

**DERAF TEKS UCAPAN**  
**YANG DIPERTUA MPSP**  
**PROGRAM PENGHIJAUAN PERAI**  
**24 NOVEMBER 2013 (AHAD), JAM 9:50 PAGI**  
**TAMAN PERAI UTAMA**

---

**Yang Berhormat Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy**  
Timbalan Ketua Menteri II, Pulau Pinang

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-rakan Media

JKKK dan penduduk – penduduk yang bersama-sama pada pagi ini,

Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian

**Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan kurnianya dapat kita sama-sama berhimpun pada pagi ini dalam Program Penghijauan Perai. Saya amat berbesar hati untuk hadir bersama saudara dan saudari pada hari ini kerana bagi saya, pemeliharaan, pemuliharaan dan penghijauan alam sekitar merupakan

satu perkara yang amat penting sekali dalam usaha kita untuk mencapai pembangunan yang kukuh, berkualiti dan seimbang.

Hadirin sekalian,

Program Penghijauan Perai merupakan langkah ekstensif oleh Majis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk tujuan penghijauan dan pembersihan di seluruh kawasan Seberang Perai khususnya.

Aktiviti-aktiviti seperti *urban farming*, *zero waste*, *composting*, kitar semula, gotong-royong kebersihan dan lain-lain adalah sebahagian daripada usaha melindungi alam semula jadi. Melalui program-program yang telah dijalankan, MPSP mencapai kadar kitar semula 32% pada tahun ini. Program-program seperti ini adalah sejajar dengan motto kerajaan negeri iaitu *Cleaner, Greener, Safer, and Healthier* untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang bersih dan hijau.

Mengambil kesempatan pada pagi ini, saya ingin berkongsi pengalaman saya semasa lawatan saya bersama Ahli Majlis ke Surabaya baru-baru ini. Saya mendapati Surabaya merupakan sebuah bandar yang sangat bersih dan indah walaupun jumlah penduduk mereka adalah jauh lebih banyak daripada penduduk di Seberang Perai. Jika tuan-tuan dan puan-puan berpeluang melawat ke Surabaya, tuan-tuan dan puan-puan akan

mendapati jalanraya mereka adalah sangat bersih, tiada sampah, sungai juga tiada buangan sampah-sarap. Selepas penjelasan daripada wakil dari Pejabat Walikota Surabaya, saya dimaklumkan oleh mereka Ini adalah kerana mereka menjalankan pelbagai program kebersihan yang secara berterusan dengan kerjasama dan sokongan padu daripada penduduk Surabaya seperti pengkomposan, penggunaan semula air dan kitar semula yang banyak menyumbangkan kepada kebersihan dan keindahan yang dikecapi pada hari ini. Selain kebersihan, Kota Surabaya juga adalah sangat indah dan hijau. Taman-taman rekreasi mempunyai pokok-pokok dan lanskaping yang cantik. Kebanyakkan hasil lanskaping mereka adalah diperbuat daripada besi terpakai dan kesemua adalah dalam keadaan yang baik. Tidak kelihatan ada kerusi yang dirosakkan ataupun dipecahkan.

Program-program pengkomposan, penggunaan semula air dan kitar semula seperti ini bukan sahaja dijalankan di peringkat kerajaan Surabaya sahaja tetapi juga dijalankan dengan komitmen penduduk di rumah kediaman, perkampungan dan sekolah. Di peringkat rumah kediaman dan perkampungan, setiap penduduk akan menjalankan pengkomposan di rumah mereka iaitu membuat baja dengan menggunakan sisa makanan. Dengan ini, ia dapat mengurangkan pembuangan sisa makanan ke tapak pelupusan. Selain itu, mereka juga

mengitar semula air mandian, air basuh baju untuk penyiraman pokok bunga. Penduduk menggunakan paip buatan sendiri untuk menapis air basuhan dan air mandian untuk digunakan semula. Air yang ditapis adalah jernih tetapi tidak diminum Pertandingan seperti kampung bersih juga diadakan diantara kampung-kampung sebagai satu pencetus semangat kepada para penduduk untuk meneruskan kegiatan mereka.

Semasa di perkampungan RW XIII, saya mendapat tahu bahawa sampah hanya akan diangkat oleh pekerja pembersihan 2 kali sahaja dalam sebulan. Penduduk juga akan mengasingkan sampah-sampah ini mengikut jenisnya sebelum dibuang dikutip oleh pekerja pembersihan. Sampah yang masih boleh dikitar semula akan digunakan semula, manakala sampah yang tidak boleh dikitar semula barulah akan dibuang. Bgai penduduk Surabaya, amalan kitar semula, pengkomposan telah menjadi amalam sehari-hari mereka. Saya berharap penduduk di Seberang Perai boleh mula membuat pengasingan sampah kerana ia dapat membantu mengurangkan penjanaan sampah.

Selain itu, saya juga mendapati mereka menjalankan pengkomposan secara besar-besarana dengan menggunakan sampah dari pasar seperti sayur-syuran, pokok-pokok yang dicantas untuk menghasilkan baja. Pelaksanaan pengkomposan di Surabaya tidak memggunkan kos yang

tinggi kerana mereka tidak banyak menggunakan mesin-mesin untuk memproses sampah-sampah tersebut. Apa yang dilakukan adalah mereka menimbunkan daun-daun bersama-sama dengan sampah pasar dan menyemburkan air pada timbunan tersebut dan seterusnya membiarkan timbunan untuk satu tempoh dan kemudian ia boleh digunakan untuk tanaman mereka. Baja-baja ini juga digunakan untuk menyuburkan pokok-pokok di taman-taman rekreasi di Surabaya. Ini bukan sahaja dapat mengurangkan pembuangan sisa pasar dan daun-daun yang dicantas ke tapak pelupusan, tetapi juga telah membantu Kerajaan Surabaya menjimatkan kos yang banyak.

Hadirin sekalian,

Negeri yang bersih bukan sahaja dapat menjadikan daerah dan negeri tersebut selesa untuk didiami malahan daerah yang bersih juga akan memberi keselesaan terhadap penduduk yang mendiami kawasan tersebut. Implikasinya, kawasan yang bersih akan mengakibatkan kurangnya wabak punca penyakit. Tambahan lagi, jika warga Seberang Perai dapat menjadikan kebersihan dan penghijauan kawasan sebagai budaya, ini akan menjadikan kawasan tersebut sentiasa bersih dan menjadi tarikan para pelancong dari dalam maupun luar negara. Program Penghijauan Perai ini yang melibatkan aktiviti pembersihan dan

penghijauan kawasan secara bersepadu. Pada hari ini misalnya telah diadakan akitiviti gotong-royong dan penanaman pokok bagi tujuan penghijauan kawasan Taman Perai Utama. Program yang diadakan ini juga merupakan inisiatif Ahli Majlis Encik David Marshel dan Encik Satees bagi memupuk budaya bersih dalam kalangan warga Seberang Perai. Saya berharap dengan adanya pelbagai program pembersihan, ini akan dapat meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat tentang kepentingan menjaga dan mengindahkan alam sekitar dan penduduk Seberang Perai boleh menjadikan Surabaya sebagai contoh untuk bersama-sama menjaga kebersihan di Seberang Perai. Kalau bandar kita kotor, kita akan dinilai oleh pihak luar. Dan yang paling tidak menyenangkan jika kita dinilai sebagai orang yang tidak berbudaya. Oleh itu, budaya pembersihan hendaklah menjadi amalan harian penduduk dan bukan bermusim sahaja seperti aktiviti gotong-royong yang diadakan ini haruslah dijadikan aktiviti mingguan atau bulanan penduduk.

Sekian, terima kasih.